

# China tambah beli minyak sawit

*Dr Mahathir, Li Keqiang saksikan majlis MoU di Beijing*

BEIJING

**M**alaysia dan China semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi republik itu membeli tambahan 1.9 juta tan minyak sawit Malaysia dengan anggaran nilai RM4.56 bilion bagi tempoh lima tahun (2019-2023).

MoU tersebut ditandatangani di Beijing oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) di bawah Kementerian Industri Utama (MPI) dengan Dewan Perdagangan Bahan Makanan dan Produk Asli China (CFNA) di bawah Kementerian Perdagangan.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Objektif utama MoU itu adalah untuk meningkatkan perdagangan dan kerjasama dalam sektor minyak sawit antara China dan Malaysia.

"Nilai ini berdasarkan harga purata minyak sawit pada tahun 2018 sebanyak AS\$600 satu tan dan pertukaran mata wang RM4 bagi AS\$1," kata MPI dalam satu kenyataan semalam.

Kerjasama tersebut turut melibatkan pelaburan modal dalam kilang biobahan api jet oleh pihak China yang tidak kurang daripada RM2 bilion (AS\$500 juta).

Nilai eksport minyak sawit ke China bagi tahun 2018 adalah



**Dr Mahathir bersalaman dengan Presiden China, Xi Jinping ketika tiba pada mesyuarat dua hala di Great Hall of the People, Beijing, semalam.**

sebanyak RM8.4 bilion.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia ialah rakan China dan mahu melihat lebih banyak pelaburan daripada negara itu.

Bercakap semasa sesi dialog dengan ketua-ketua korporat China anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di sini, semalam, beliau berkata, kerajaan mengalukan lebih banyak kerjasama

dan pelaburan dari China.

Beliau berharap komuniti perniagaan China akan melihat peluang pelaburan di Malaysia dan melabur di negara itu.

China ialah rakan dagang terbesar Malaysia sejak 10 tahun lepas dengan jumlah perdagangan antara kedua-dua negara melonjak lebih daripada lapan peratus kepada RM313 bilion tahun lepas berbanding tahun sebelumnya.